



**PEKELILING UNIT INTEGRITI & OMBUDSMAN BIL. 1/2024**

**SEMUA WARGA  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

**POLISI ANTIRASUAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Mesyuarat Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) Bil. 4/2024 bertarikh 7 Ogos 2024 telah bersetuju meluluskan Polisi Antirasuah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk diguna pakai di UKM. Polisi ini berkuatkuasa mulai tarikh kelulusan LPU.

3. Polisi ini dibangunkan sebagai komitmen UKM dalam melaksanakan pelbagai inisiatif antirasuah seterusnya menjadi pemangkin kepada kecekapan dan ketelusan pengurusan berteraskan prinsip tatakelola, integriti dan antirasuah. Secara langsung, pematuhan kepada polisi ini akan membantu merealisasikan pendekatan UKM dalam toleransi sifar terhadap rasuah. Polisi ini boleh dicapai dan dimuat turun melalui laman web Unit Integriti & Ombudsman: [www.ukm.my/integriti](http://www.ukm.my/integriti).

4. Sebarang maklum balas dan pertanyaan lanjut, boleh dikemukakan kepada pihak Unit Integriti & Ombudsman melalui e-mel [kuintegriti@ukm.edu.my](mailto:kuintegriti@ukm.edu.my) / [integriti@ukm.edu.my](mailto:integriti@ukm.edu.my). Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"Mendahului Nilai, Wibawa dan Citra UKM"**

Yang benar,

**Prof. Madya Dr. Mohammad Rahim Kamaluddin**

Ketua

Unit Integriti & Ombudsman

- s.k
- Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
  - Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)
  - Pendaftar
  - Penasihat Undang-Undang
  - Bendahari
  - Ketua Pustakawan

**UNIT INTEGRITI & OMBUDSMAN**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 3182 / 3139 / 5008 / 5009 E-mel: [integriti@ukm.edu.my](mailto:integriti@ukm.edu.my) Laman Web: <http://www.ukm.my/integriti>

**ILMU, MUTU DAN BUDI**

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)

# POLISI ANTIRASUAH

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

# ISI KANDUNGAN

<b>BIL. PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.0 TAJUK DAN PERMULAAN KUAT KUASA	1
2.0 TUJUAN	1
3.0 TAKRIFAN	1
4.0 PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH	2 - 3
5.0 PELAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH	3 - 4
6.0 KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH	4 - 8
7.0 UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUAT KUASA	8 - 9
8.0 PERANAN DAN TINDAKAN WARGA UKM	9 - 10
9.0 PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	10
10.0 PENGIKTIRAFAN	10
11.0 PEMATUHAN	10 - 11
12.0 PERTANYAAN ATAU PELAPORAN RASUAH	11
13.0 PENUTUP	11

## 1.0 TAJUK DAN PERMULAAN KUAT KUASA

1.1 Polisi ini boleh dinamakan **Polisi Antirasuah Universiti Kebangsaan Malaysia**.

1.2 Polisi ini mula berkuat kuasa pada 7 Ogos 2024.

## 2.0 TUJUAN

Polisi ini diwujudkan bertujuan sebagai panduan dan rujukan kepada Warga UKM mengenai perlakuan rasuah, mekanisme pelaporan dan pencegahan rasuah. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pihak berkepentingan, rakan niaga atau mana-mana individu atau organisasi yang berurusan dengan warga UKM.

## 3.0 TAKRIFAN

Dalam Polisi ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain—

“**Rasuah**” dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) ertinya perbuatan memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi;

“**Suapan**” dalam konteks Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) iaitu:

- (a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- (b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- (c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- (d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;

- (e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- (f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- (g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).

“**Warga UKM**” bagi maksud Polisi ini ertinya—

- (a) mana-mana orang yang berkhidmat atau diambil bekerja oleh UKM di bawah Perlembagaan UKM 2010 atau mana-mana statut, termasuklah pegawai, kakitangan, guru dan sebagainya bagi semua status jawatan termasuk lantikan tetap, sementara, sangkutan, pinjaman, kontrak, sambilan atau lantikan politik.
- (b) termasuk Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti.
- (c) mana-mana pelajar berdaftar di UKM termasuk pelajar yang mengikuti kursus pengajian sepenuh masa, separuh masa, sangkutan, latihan industri, mobiliti, pengajian jarak jauh, pengajian luar kampus dan pelajar di Pusat PERMATA@Pintar Negara di kampus UKM.

“**UKM**” ertinya Universiti Kebangsaan Malaysia, termasuklah seluruh kampus cawangan, hospital atau entiti yang diwujudkan di bawah kuasa UKM.

#### 4.0 PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH

UKM komited untuk mengambil pendekatan toleransi sifar terhadap rasuah atau “*zero tolerance for corruption*” dalam menyediakan perkhidmatannya. Bagi merealisasikan pendekatan tersebut, UKM memberikan penekanan kepada empat (4) terma rujukan berikut:

### 4.1 Dasar, Perundangan dan Peraturan

- (a) Memantapkan pemahaman dan pematuhan undang-undang, peraturan-peraturan berkaitan antirasuah yang berkuat kuasa;
- (b) Menerapkan elemen antirasuah dalam penggubalan dasar bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap kelemahan dan ketirisan tatakelola serta pelanggaran integriti.

### 4.2 Sistem dan Prosedur Kerja

Mengenal pasti, mengkaji kelemahan, ketirisan dan menambah baik sistem, tatakelola dan prosedur kerja yang membuka ruang dan peluang kepada rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

### 4.3 Pengukuhan Tatakelola dan Integriti

Menyemai, mendidik dan membudayakan integriti serta memperkukuhkan tatakelola dalam penyampaian perkhidmatan.

### 4.4 Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan

- (a) Memperkasa dan menyebarkan mekanisme pelaporan salah laku rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan;
- (b) Memastikan pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan mengambil tindakan punitif terhadap pelanggaran tatakelakuan serta melaksanakan usaha pemulihan.

## 5.0 PELAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH

- 5.1 **“Transactive”**: Persetujuan untuk memberi dan menerima suapan atau *“win-win situation”*.
- 5.2 **“Extortive”**: Ugutan dengan tujuan untuk tidak mengambil tindakan.
- 5.3 **“Defensive”**: Bayaran dengan tujuan untuk mendapatkan perlindungan.
- 5.4 **“Investive”**: Bayaran untuk menjamin balasan/atau habuan pada masa hadapan.

- 5.5 **“Nepotisme”**: Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi atau saudara atau sekutu.
- 5.6 **“Autogenic”**: Pelakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi.
- 5.7 **“Supportive”**: Penempatan proksi atau kroni di tempat strategik “hotspot”-dalam organisasi.

### 6.0 KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH

#### 6.1 Kesalahan menerima suapan di bawah Seksyen 16, Akta 694

- (a) Mana-mana orang secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi; atau
- (b) Mana-mana orang secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi.

#### 6.2 Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen di bawah Seksyen 17, Akta 694

- (a) Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah menyetujui terima atau memperoleh daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya; atau
- (b) Mana-mana orang sebagai seorang ejen memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.

### 6.3 Kesalahan membuat tuntutan palsu di bawah Seksyen 18, Akta 694

Mana-mana orang yang memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang prinsipalnya mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap atau tidak lengkap tentang apa-apa butir matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

### 6.4 Kesalahan menyogok pegawai badan awam di bawah Seksyen 21, Akta 694

Mana-mana orang yang menawarkan kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, meminta atau menerima, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan dengan hal ehwal badan awam itu.

### 6.5 Menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan di bawah Seksyen 23, Akta 694

Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

### 6.6 Hukuman di bawah Seksyen 24, Akta 694 bagi kesalahan di bawah Seksyen 16,17,18,21 dan 23

(a) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 21 dan 23 Akta 694, apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh (20) tahun dan didenda tidak kurang lima (5) kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, atau sepuluh ribu ringgit (RM 10,000.00), mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

(b) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18, Akta 694, apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh (20) tahun dan didenda tidak kurang lima (5) kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu, atau sepuluh ribu ringgit (RM10,000.00), mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

**6.7 Kewajipan melaporkan transaksi penyogokan di bawah Seksyen 25, Akta 694**

- (a) Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan suapan hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai SPRM. Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit (RM 100,000.00) atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh (10) tahun atau kedua-duanya.
  
- (b) Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah diminta atau diperolehi atau suatu cubaan dibuat untuk memperoleh suapan itu, hendaklah melaporkan permintaan atau perolehan, atau cubaan untuk memperoleh suapan itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya kepada pegawai SPRM. Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit (RM 10,000.00) atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.

**6.8 Kesalahan menerima suapan kecil bayaran di sisi undang-undang berkenaan dengan sesuatu perbuatan rasmi di bawah Seksyen 161, Kanun Keseksaan**

Barang siapa, yang menjadi atau menjangka akan menjadi seorang pejawat awam, menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, daripada seseorang, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, apa-apa jua suapan, kecuali bayaran di sisi undang-undang, sebagai suatu galakan atau hadiah bagi melakukan atau supaya jangan melakukan apa-apa perbuatan rasmi, atau bagi memberi atau supaya jangan memberi, kemudahan atau kepayahan kepada seseorang, atau bagi memberi atau mencuba memberi apa-apa perkhidmatan atau halangan kepada seseorang, pada menjalankan kerja-kerja rasminya, dengan Kerajaan atau dengan seseorang ahli Jemaah Menteri atau ahli Parlimen atau ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau ahli Dewan Negeri, atau dengan seseorang penjawat awam, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga (3) tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

### 6.9 **Kesalahan menerima suapan dengan cara tidak jujur atau menyalahi undang-undang bagi mempengaruhi seseorang penjawat awam di bawah Seksyen 162, Kanun Keseksaan**

Mana-mana pegawai awam yang menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, daripada seseorang, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, apa-apa jua suapan, sebagai suatu galakan atau hadiah bagi mendorong, dengan cara tak jujur atau menyalahi undang-undang, seorang penjawat awam supaya melakukan atau jangan melakukan sesuatu perbuatan rasmi, atau supaya memberi kemudahan atau kepayahan kepada seseorang, atau supaya memberi atau mencuba memberi apa-apa perkhidmatan atau halangan kepada seseorang, pada menjalankan kerja-kerja rasmi penjawat awam itu, dengan Kerajaan, atau dengan seseorang ahli Jemaah Menteri atau ahliParlimen atau ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau ahli Dewan Negeri, atau dengan seseorang penjawat awam, sebagai yang demikian, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga (3) tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

### 6.10 **Kesalahan menerima suapan bagi menjalankan pengaruh peribadi atas seseorang penjawat awam di bawah Seksyen 163, Kanun Keseksaan**

Barang siapa menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, daripada seseorang, untuk dirinya atau untuk seseorang lafn, apa-apajua suapan, sebagai suatu galakan atau hadiah bagi mendorong, dengan cara menjalankan pengaruh peribadi, seseorang penjawat awam supaya melakukan atau jangan melakukan sesuatu perbuatan rasmi, atau supaya memberi kemudahan atau kepayahan kepada seseorang, atau supaya memberi atau mencuba memberi apa-apa perkhidmatan atau halangan kepada seseorang, pada menjalankan kerja-kerja rasmi penjawat awam itu, dengan Kerajaan, atau dengan seseorang ahli Jemaah Menteri atau ahli Parlimen atau ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau ahli Dewan Negeri, atau dengan seseorang penjawat awam, sebagai yang demikian, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai (1) setahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

### 6.11 **Kesalahan menerima barangan berharga dengan tiada balasan di bawah Seksyen 165, Kanun Keseksaan**

Mana-mana pegawai awam yang menerima atau memperoleh, atau setuju untuk menerima atau cuba untuk memperoleh untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa barangan berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan yang pegawai mengetahui tidak

mencukupi daripada mana-mana orang yang pegawai mengetahui telah; atau sedang; atau mungkin berkaitan dengan apa-apa urusan rasmi yang telah dijalankan; atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu; atau berkaitan dengan tugas rasmi pegawai atau dengan tugas rasmi mana-mana pegawai di bawah seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

**6.12 Kesalahan memalsukan dokumen di bawah Seksyen 465, Kanun Keseksaan**

Mana-mana orang yang melakukan pemalsuan hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

**6.13 Kesalahan dan hukuman pecah amanah jenayah di bawah Seksyen 405, dan 406 Kanun Keseksaan**

- (a) Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta samada sendirian atau bersama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan harta itu, atau menjadikannya untuk kegunaan sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan sengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan pecah amanah jenayah.
- (b) Barang siapa yang melakukan pecah amanah jenayah hendaklah diseksa dengan penjara dengan tempoh tidak melebihi sepuluh (10) tahun dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan.

**7.0 UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUAT KUASA**

**7.1 Seksyen 3, Akta 694:**

- (a) mana-mana kesalahan di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574) yang dinyatakan dalam Jadual-Perenggan 3(a), tafsiran “kesalahan ditetapkan” di bawah Akta 694;

- (b) kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 137 Akta Kastam 1967 (Akta 235);
  - (c) kesalahan di bawah Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
  - (d) sesuatu percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c); atau
  - (e) sesuatu perubahatan atau komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah itu ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan) mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c), sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya.
- 7.2 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]
- 7.3 Seksyen 17A, Akta 694 mengenai kesalahan oleh organisasi komersial jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi faedah orang itu, atau bagi faedah orang lain dengan niat untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu atau bagi memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

### 8.0 PERANAN DAN TINDAKAN WARGA UKM

- 8.1 Warga UKM hendaklah untuk mengambil tindakan seperti berikut:
- (a) **JANGAN MINTA:** Warga UKM dilarang meminta atau menerima apa-apa bentuk suapan/rasuah;
  - (b) **TOLAK:** Warga UKM hendaklah menolak apa-apa tawaran atau pemberian rasuah; dan
  - (c) **LAPOR:** Warga UKM hendaklah dengan segera melaporkan apa-apa perlakuan dan transaksi rasuah kepada Ketua Jabatan atau Unit Integriti & Ombudsman UKM atau SPRM.
- 8.2 Warga UKM boleh melaporkan apa-apa perlakuan rasuah dengan mengemukakan sekurang-kurangnya maklumat asas (5W+1H) seperti berikut:

- (a) Siapakah (*who*) yang terlibat?
- (b) Bilakah (*when*) kejadian berlaku?
- (c) Dimanakah (*where*) kejadian berlaku?
- (d) Apakah (*what*) kesalahan yang berlaku?
- (e) Kenapakah (*why*) kesalahan berlaku?
- (f) Bagaimanakah (*how*) kesalahan berlaku?
- (g) Saksi atau dokumen berkaitan (sekiranya ada).

### 9.0 PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Tertakluk di bawah Dasar Pemberi Maklumat UKM Tahun 2019, apa-apa aduan dan maklumat diterima oleh pegawai di Unit Integriti & Ombudsman UKM hendaklah menjadi rahsia antara Unit Integriti & Ombudsman UKM dengan pengadu atau pemberi maklumat, serta mereka yang terlibat di dalam siasatan atau mana-mana proses mengikut keperluan mengikut prinsip “perlu tahu” sahaja bagi maksud mengambil tindakan perlu ke atas aduan atau maklumat tersebut.

### 10.0 PENGIKTIRAFAN

Pengiktirafan dalam bentuk sijil penghargaan, pencalonan anugerah pingat di peringkat Persekutuan atau Negeri, atau ganjaran boleh diberikan kepada mana-mana penjawat awam yang melaporkan pemberian dan penerimaan rasuah berdasarkan Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara bertarikh 11 Mei 2011.

### 11.0 PEMATUHAN

Kegagalan atau keengganan warga UKM mematuhi Polisi Antirasuah ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan dikenakan tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]. Warga UKM juga boleh diambil tindakan di bawah prosiding jenayah di bawah undang-undang berkaitan. Pelanggaran Polisi ini oleh pihak ketiga akan dimaklumkan kepada Perbendaharaan Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia (SPRM), Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana organisasi berkaitan untuk tindakan.

### 12.0 PERTANYAAN ATAU PELAPORAN RASUAH

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Unit Integriti & Ombudsman  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Aras 5, Bangunan Canselori  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor

No. Telefon : +603 8921 3182/3139/5008/ 5009  
E-mel : [aduanintegriti@ukm.edu.my](mailto:aduanintegriti@ukm.edu.my)  
Web : [www.ukm.my/integriti](http://www.ukm.my/integriti)

### 13.0 PENUTUP

Polisi Antirasuah ini merupakan komitmen UKM dalam melaksanakan pelbagai inisiatif antirasuah seterusnya menjadi pemangkin kepada kecekapan dan ketelusan pengurusan berteraskan prinsip tatakelola, integriti dan antirasuah. Secara langsung, pematuhan kepada Polisi ini akan membantu merealisasikan pendekatan UKM dalam toleransi sifar terhadap rasuah.

### RUJUKAN

1. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
2. Kanun Keseksaan (Akta 574)
3. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]
4. Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 mengenai Pemantapan Tatakelola, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan
5. Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023
6. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1997 - Garis Panduan Mengenai Cara Menguruskan Kes-kes Tatatertib Yang Dirujuk Oleh Badan Pencegah Rasuah (kini dikenali Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia)
7. Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara – Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Atau Penerimaan Rasuah rujukan SPRM/BKP:20/22/1.9 bertarikh 11 Mei 2011
8. Dasar Pemberi Maklumat UKM Tahun 2019
9. Pelan Tindakan Integriti (PTI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2021-2025



**Unit Integriti & Ombudsman**  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Aras 5, Bangunan Canselori  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor

 03-8921 3182/5008/5009/4349/3139

 [integriti@ukm.edu.my](mailto:integriti@ukm.edu.my)

 [www.ukm.my/integriti](http://www.ukm.my/integriti)



@ u i o u k m